☑ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 11/4/2012
Hari: Rabu M/S: 11
Ruangan: SEMPENA PERTABALAN YDP AGONG KE-14

Mengutamakan pendidikan, syiar Islam

Oleh SAHBULAH DARWI



KEDAH adalah antara negeri yang cukup dikenali kerana banyak melahirkan tokoh-tokoh negara dan ulama yang memberi sumbangan besar dalam memajukan bidang pendidikan dan memartabatkan syiar Islam.

Sehingga di era pemerintahan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah selaku ketua agama Islam, usaha tersebut terus dititikberatkan bagi memastikan rakyat dan negara mengecapi pembangunan mantap dan seimbang antara duniawi dan ukhrawi.

Perhatian Tuanku terhadap bidang pendidikan membolehkan Kedah melahirkan ramai cerdik pandai, tokoh korporat, ahli perniagaan, pemimpin, ahli politik dan ulama masyhur yang mengharumkan nama negeri Kedah dan begitu dihormati di dalam dan luar negara.

Ini termasuk dua Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan anak jati Kedah.

Selain itu, di bawah naungan kepimpinan baginda juga, Kedah telah melahirkan terlalu ramai ulama yang memberi sumbangan besar kepada penyebaran Islam dan usaha memartabatkan syiar agama itu.

Ia termasuk sumbangan pondok-pondok, madrasah, maahad tahfiz, sekolah-sekolah agama, institusi agama hingga ke universiti serta pusat pengajian tinggi yang semakin bertambah dari tahun ke tahun untuk membangunkan modal insan rakyat negeri dan negara ini.

Selain itu Maktab Mahmud yang termasyhur dan kini berusia 75 tahun, antara institusi pendidikan lain ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Kolej Universiti Insaniah (Kuin), Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas), Institut Perguruan Darulaman dan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim.

Berkat keprihatinan Tuanku Sultan maka yang terbaharu, sebuah Maahad Tahfiz Sains Darul Aman yang menggabungkan hafazan al-Quran dan mata pelajaran Sains, bakal dibina untuk rakyat negeri ini.

Sejak dari dahulu hingga kini, baginda amat prihatin dan komited terhadap usaha meninggikan syiar Islam dan penyebaran dan memelihara kesucian agama suci itu di seluruh pelosok negeri.

Menjadi kebiasaan bagi Tuanku sanggup meluangkan masa mencemar duli untuk menghadiri majlis-majlis tertentu yang diadakan di masjid-masjid, sekolah atau institusi agama seumpama itu seperti hari penyampaian hadiah dan konvokesyen.

Sememangnya Kedah mempunyai sejarah pengembangan Islam yang terawal dan dalam tempoh yang panjang bermula dengan kemasukan Islam di negara ini pada zaman silam seperti yang dibuktikan dengan kesan peninggalan sejarah di Lembah Bujang Merbok.

Sejarah membuktikan Kedah telah dikenali sejak zaman dahulu sebagai negeri Islam di kalangan pedagang-pedagang Arab yang mengembangkan Islam. Antara peninggalan sejarah yang menyokong fakta itu ialah batu serpihan dari nisan atau petanda sempadan dan pelbagai peralatan yang terdapat tulisan Jawi.

Sehingga kini, pendidikan Islam dan usaha memartabatkan syiar Islam terus berkembang dan sehingga kini terdapat tiga kategori sekolah agama di negeri ini iaitu 17 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mendapat peruntukan dari Kerajaan Pusat.

Selain itu, terdapat 40 buah sekolah agama yang didaftarkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK) dan lebih daripada 50 buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang sekarang ini dikelolakan di bawah Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA).

Selain itu, pusat-pusat Kelas Al-Quran dan Farfu Ain (KAFA) turut bertambah dari semasa ke semasa bagi menampung pendidikan sekolah rendah di setiap daerah.

Sebanyak 421 pusat KAFA diwujudkan iaitu di 327 buah sekolah kebangsaan, 38 masjid, 55 buah surau dan sebuah di sekolah agama yang melibatkan lebih 2,772 orang guru dan 78,800 murid.

Selain itu, bagi pra-sekolah, lebih 43 buah Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) diwujudkan oleh Jabatan Hal Ehwal Islam Kedah melibatkan 72 guru, 47 orang pembantu serta 1,613 murid.

Saudara baharu di negeri ini turut diberi bimbingan melalui penubuhan Pusat Bimbingan Islam (Pusba) pada 8 Mac 1999 dan beroperasi sepenuhnya 1 April 1999 di bangunannya di Sungai Petani.

Hasil kutipan zakat bagi pembangunan dan kemaslahatan umat negeri ini turut meningkat dari semasa ke semasa dan sehingga Disember tahun lalu, jumlah keseluruhan kutipan zakat yang berjaya diperoleh oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah ialah sebanyak RM97.94 juta.

Jumlah antaranya disumbang oleh kutipan zakat padi yang berjaya diperolehi ialah sebanyak RM3.7 juta, zakat ternakan (RM21,488), zakat pendapatan (RM47.8 juta), zakat perniagaan (RM27.587 juta) dan zakat wang simpanan (RM6.4 juta), zakat saham (RM256,164), zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (RM668,211), zakat emas (RM424,502), zakat perak (RM20), zakat galian (RM5,130), zakat fitrah (RM6.08 juta), qadha zakat (RM125,064) dan zakat fidyah (RM184,109).

> Perhatian Tuanku terhadap bidang pendidikan membolehkan Kedah melahirkan ramai cerdik pandai, tokoh korporat, ahli perniagaan, pemimpin, ahli politik dan ulama masyhur yang mengharumkan nama negeri Kedah dan begitu dihormati di dalam dan luar negara